

TERMS & CONDITIONS OF BSN MyGOLD ACCOUNT-i **TERMA DAN SYARAT BAGI BSN MyGOLD ACCOUNT-i**

Enumerated below are the Terms and Conditions governing the opening and the operation of BSN MyGold Account-i in Bank Simpanan Nasional ("Bank"). By opening the BSN MyGold Account-i, the Customer hereby agrees to abide and to be bound by the following terms, conditions, rules and regulations, inclusive of variation that may be prescribed by the Bank from time to time. / *Berikut ialah Terma dan Syarat yang mentadbir pembukaan dan pengendalian BSN MyGold Account-i di Bank Simpanan Nasional ("Bank"). Dengan membuka BSN MyGold Account-i, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan terma-terma, syarat-syarat, kaedah-kaedah (aturan) dan peraturan-peraturan di bawah termasuk mana-mana perubahan atau penambahan padanya sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.*

1. Definitions & Interpretations / Definisi dan Tafsiran

- 1.1 Unless otherwise expressly specified, the following definitions and interpretations shall apply: / *Melainkandinyatakan sebaliknya secara nyata, takrif dan taksiran berikut hendaklah terpakai:*
- a) "Adequate notice" means twenty one (21) calendar days' notice. / *"Notis yang memadai" bermaksud notis dua puluh satu (21) hari kalendar.*
 - b) "Agent" refers to the Bank that is appointed as an agent to manage and operate the Customer's BSN MyGold Account-i. / *"Ejen" merujuk kepada Bank yang dilantik sebagai ejen untuk menguruskan dan mengendalikan BSN MyGold Account-i Pelanggan.*
 - c) "Authorities" refer to and shall include but not limited to BNM, the Royal Malaysia Police or any statutory or regulatory bodies whether local or international. / *"Pihak Berkuasa" merujuk kepada dan hendaklah merangkumi tetapi tidak terhad kepada BNM, Polis Diraja Malaysia atau badan berkanun atau badan kawal selia sama ada tempatan atau antarabangsa.*
 - d) "Authorised signatory" means the person whom the mandate/authorization is given by the Customer(s) or the other co-customer (for joint account holder) to manage and operate BSN MyGold Account-i/ *"Penandatanganan Yang Diberi Kuasa" bermaksud orang yang diberi kuasa oleh Pelanggan atau pelanggan bersama satu lagi (untuk pemegang akaun bersama) untuk mengurus dan mengendalikan akaun.*
 - e) "Bai' Musawamah" means a contract of buy and sell which is the exchange of a thing of value by another thing of value with mutual consent. / *"Bai' Musawamah" bermaksud kontrak jual beli iaitu pertukaran sesuatu benda berharga dengan benda berharga yang lain secara persetujuan bersama.*
 - f) "Bank" means Bank Simpanan Nasional. / *"Bank" bermaksud Bank Simpanan Nasional.*
 - g) "BNM" means Bank Negara Malaysia. / *"BNM" bermaksud Bank Negara Malaysia.*
 - h) "BSN Internet Banking" refers to www.mybsn.com.my and/or internet banking service made available by the Bank which may be accessed by the Customer via the internet, mobile devices or any other electronic medium approved by the Bank and subject to the applicable terms and conditions governing their use. / *"Perbankan Internet BSN" merujuk kepada www.mybsn.com.my atau perkhidmatan perbankan internet yang disediakan oleh Bank di mana perkhidmatan tersebut dapat diakses oleh Pelanggan melalui internet, peranti mudah alih atau apa-apa medium elektronik yang disahkan oleh Bank dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat terpakai kepada penggunaan perkhidmatan tersebut.*

- i) "BSN's Website" refers to www.bsn.com.my, an official website hosted by the Bank for use in servicing account holders which contains various informational contents and forms relating to BSN MyGold Account-i. / *"Laman Web BSN" merujuk kepada www.bsn.com.my, laman web yang dihoskan oleh Bank dalam memberi perkhidmatan kepada pemegang akaun yang mengandungi pelbagai maklumat dan borang-borang.*
- j) "Business Day" means working days on which BSN is operating in Malaysia (excluding public holidays). / *"Hari Niaga" merujuk kepada hari bekerja pihak Bank beroperasi di Malaysia (tidak termasuk cuti umum).*
- k) "Customer" means the BSN MyGold Account-i accountholder(s) including individual, joint individuals, partnerships, sole proprietorships, companies, clubs, associations and societies, and shall include the heirs, authorized person, agents, administrators, personal representative and successor-in-title unless stated otherwise in these Terms and Conditions or by the Bank from time to time. / *"Pelanggan" bermaksud pemegang akaun BSN MyGold Account-i termasuk individu, individu bersama, perkongsian, pemilikan tunggal, syarikat, persatuan dan kelab, dan hendaklah termasuk waris, orang yang diberi kuasa, ejen, wakil peribadi dan pengganti hak milik melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.*
- l) "Courier Services" refer to a registered courier company appointed by the Gold Supplier to deliver the physical gold bar to the Customer. / *"Perkhidmatan Penghantaran" merujuk kepada syarikat penghantaran berdaftar yang dilantik oleh Pembekal Emas untuk menghantar jongkong emas fizikal kepada Pelanggan.*
- m) "Designated Account" means Customer's BSN Giro/i that will be tagged and linked with the BSN MyGold Account-i to facilitate a transaction of debiting/crediting during the Purchase and Sale of gold or Fees and Charges that may be imposed on the Customer under the BSN MyGold Account-i. / *"Akaun Yang Ditetapkan" bermaksud BSN Giro/i Pelanggan yang akan dihubungkan dengan BSN MyGold Account-i untuk memudahkan transaksi pendebitan/ pengkreditan akaun yang ditetapkan bagi pembelian atau penjualan emas atau Fi dan Caj yang mungkin dikenakan ke atas Pelanggan di bawah BSN MyGold Account-i.*
- n) "Gold" means 999.9 purity of physical gold with accreditation by London Bullion Market Associations (LBMA) which consist of Physical Cast Gold Bar and Physical Minted Gold Bar (as defined below). / *"Emas" merujuk kepada ketulenan emas fizikal 999.9 dengan akreditasi oleh London Bullion Market Associations (LBMA) yang terdiri daripada Bar Emas Fizikal dan Bar Emas Fizikal Khas (seperti yang ditakrifkan di bawah) .*
- o) "Gold Supplier" means a reputable, certified and authorized gold supplier which shall be determined and appointed by the Bank to supply the Gold. / *"Pembekal Emas" merujuk kepada syarikat pembekal emas yang mempunyai reputasi yang baik, bertauliah dan berdaftar yang mana akan ditentukan dan dilantik oleh Bank untuk membekalkan Emas dari semasa ke semasa.*
- p) "Initial Purchase" means initial purchase of Gold made during account opening of BSN MyGold Account-i. / *"Pembelian Awal" merujuk pada pembelian awal Emas yang dilakukan semasa pembukaan BSN MyGold Account-i.*
- q) "Insolvency Matter" means an act of bankruptcy and/or petition for winding up or bankruptcy which has been presented against the Customer, and /or any one or more of Customers, or any of those who are signatories to the BSN My Gold Account-i is adjudicated bankrupt./ *"Perkara Insolvensi" bermaksud tindakan mufliis, dan / atau petyisyen penggulungan atau kebangkrapan yang telah diserahkan terhadap Pelanggan, dan / atau salah satu atau lebih Pelanggan, atau salah satu dari penandatanganan BSN MyGold Account-i yang diisytiharkan mufliis.*

- r) "Management Fee" means the fee charged by the Bank for managing the Customer's Gold under the Bank's custody. / *"Yuran Pengurusan" bermaksud fi yang dicaj oleh Bank untuk menguruskan Emas Pelanggan di bawah jagaan Bank.*
- s) "Physical Cast Gold Bar" means 999.9 purity of physical gold product with the weight of 1,000 grams per bar produced by refineries. They are in the form of bars and carry simple designs with accreditation by London Bullion Market Association (LBMA) / *"Bar Emas Fizikal" bermaksud ketulenan emas fizikal 999.9 dengan berat 1,000 gram setiap bar yang dihasilkan oleh kilang. Ianya dalam bentuk bar dan membawa reka bentuk sederhana dengan akreditasi oleh London Bullion Market Associations (LBMA).*
- t) "Physical Minted Gold Bar" means refined gold bars that have intricate aesthetic designs with different weights and sizes and marked with details such as manufacturer's name, weight, purity of 999.9, serial number and accredited by London Bullion Market Association (LBMA) / *"Bar Emas Fizikal Khas" bermaksud jongkong emas halus yang mempunyai reka bentuk estetik yang kompleks dengan berat dan ukuran yang berbeza dan ditandai dengan perincian seperti nama pengeluar, berat, ketulenan 999.9, nombor siri dan diakreditasi oleh London Bullion Market Associations (LBMA).*
- u) "Purchase Price" means the prevailing Gold price in Malaysia Ringgit per gram for the buying of gold by the Bank from the Customer. / *"Harga Belian" bermaksud harga belian emas semasa dalam Ringgit Malaysia untuk pembelian emas oleh pihak Bank daripada Pelanggan.*
- v) "Security Details" include Electronic Banking Password, PIN and any other confidential information, security codes and / or security devices used in relation to a the Designated Account and/or BSN MyGold Account-i / *"Maklumat Keselamatan" merangkumi Kata Laluan Perbankan Elektronik, PIN dan maklumat sulit lain, kod keselamatan dan / atau peranti keselamatan yang digunakan berkaitan dengan Akaun yang Ditetapkan dan/atau BSN MyGold Account-i.*
- w) "Selling Price" means the prevailing Gold price in Malaysia Ringgit per gram for the selling of Gold by the Bank to the Customer. / *"Harga Jualan" bermaksud harga emas semasa dalam Ringgit Malaysia untuk penjualan emas oleh pihak Bank kepada Pelanggan.*
- x) "SMS" means short messaging system / *"SMS" bermaksud sistem pesanan ringkas.*
- y) "Terms and Conditions" means the terms and conditions set out in this document and shall include any amendments, variations and supplements made from time to time by the Bank with prior adequate notice and shall apply to the management and the operation of the BSN MyGold Account-i . / *"Terma dan Syarat" merujuk kepada terma dan syarat yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat daripada semasa ke semasa oleh Bank dengan notis yang memadai terlebih dahulu dan hendaklah terpakai kepada pengendalian dan pengoperasian BSN MyGold Account-i.*
- z) "Wakalah" means a contract where one party acting as a principal (muwakkil) give(s) mandates and authorizes the other party, acting as an agent (wakil) to perform a particular task on matters that may be delegated, with or without imposition of a fee / *"Wakalah" bermaksud kontrak di mana satu pihak bertindak sebagai prinsipal (muwakkil) memberi mandat dan kuasa kepada pihak satu lagi yang bertindak sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas yang ditetapkan tanpa atau dengan bayaran fi.*

2. Shariah Applications / Aplikasi-aplikasi Syariah

2.1 Wakalah

Under this product, the Customer hereby appoints the Bank as an Agent to manage and operate BSN MyGold Account-i in accordance with the Terms and Conditions herein. / *Di bawah produk ini, Pelanggan dengan ini melantik pihak Bank sebagai ejen Pelanggan untuk menguruskan dan mengendalikan BSN MyGold Account-i sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.*

2.2 Bai' Musawamah

Purchase and Sale contract without the disclosure of the asset cost price and profit margin to the Customer. / *Kontrak Pembelian dan Jualan tanpa pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada Pelanggan.*

3. Account Opening / Pembukaan Akaun

3.1 The opening of the BSN MyGold Account-i is made through the Bank's prescribed form and subject to the Bank's requirements including but not limited to the minimum age requirement, quantities of Gold, minimum Initial Purchase, references and supporting documents and such other requirements which may be imposed by the Bank from time to time. / *Pembukaan BSN MyGold Account-i hendaklah dibuat melalui borang yang ditetapkan oleh Bank dan tertakluk kepada keperluan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada had umur minimum, kuantiti Emas, Pembelian Awal minimum, rujukan dan dokumen sokongan dan keperluan lain yang mungkin ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.*

3.2 The Customer agrees and consents to the Bank to perform any search (as the case maybe) and / or due diligence on the Customer's details for the purpose of opening of BSN MyGold Account-i. / *Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menjalankan apa-apa carian (sekiranya perlu) dan / atau usaha wajar ke atas butiran yang dikemukakan oleh Pelanggan semasa pendaftaran pembukaan BSN MyGold Account-i.*

3.3 The Customer hereby agrees that the Bank has the right to request the Customer to submit any supporting document for the purpose of opening BSN MyGold Account-i, whenever necessary. / *Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk meminta Pelanggan mengemukakan sebarang dokumen sokongan bagi tujuan pembukaan BSN MyGold Account-i, apabila perlu.*

3.4 The Bank reserves the right to reject any application to open the BSN MyGold Account-i if the Customer fails to submit valid and accurate information and / or documents and / or the Customer does not meet any requirement and / or additional requirements imposed by the Bank on account opening. / *Bank berhak untuk menolak sebarang permohonan pembukaan BSN MyGold Account-i sekiranya Pelanggan gagal mengemukakan maklumat dan/atau dokumen yang sah dan tepat dan/atau tidak memenuhi mana-mana syarat dan/atau syarat tambahan yang dikenakan oleh Bank bagi pembukaan akaun.*

3.5 Upon completion and signing of the relevant documents, the Customer agrees and authorizes the Bank to debit the Customer's Designated Account for the Gold amount as an Initial Purchase. Confirmation receipt shall be issued to the Customer for reference. / *Setelah mengisi dan menandatangani dokumen yang berkaitan, Pelanggan bersetuju dan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendebit Akaun yang Ditetapkan untuk jumlah Emas sebagai Pembelian Awal. Resit pengesahan akan dikeluarkan kepada Pelanggan untuk rujukan.*

3.6 Eligibility: / *Kelayakan:*

- a) Individual (Malaysian, Resident & Non-resident) / *Individu (Warganegara Malaysia, Residen & Bukan residen)*
 - i) Individual aged 18 years and above / *Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas*
 - ii) Joint account / *Akaun bersama*
- ii) Non-Individual / *Bukan Individu*
 - Corporate account for businesses registered in Malaysia i.e Sole Proprietor, Partnership, Private Limited or Limited company, association and societies / *Akaun Korporat bagi perniagaan yang didaftarkan di Malaysia – Pemilikan Tunggal, Perkongsian, syarikat Sendirian Berhad atau Berhad, Persatuan dan Kelab.*

4. Joint Account / *Akaun Bersama*

- 4.1 BSN MyGold Account-i may be opened as a joint account which consists of several names not exceeding two (2) persons (“Joint Account Holders”) in total at one time (“Joint Account”). Both or any one of the Joint Account Holders may be authorized as the signatory(ies)/user(s) (as indicated in herein and in the application form / purchase of gold order) whom shall be entitled or permitted to purchase, sale, redeem and/or transfer Gold through the BSN MyGold Account-i (“Authorized Signatory/User”). The Joint Account Holders understand that all obligations, powers, authorities and liabilities contained in these Terms and Conditions will be binding on the Joint Account Holders, jointly and severally. / *BSN My Gold Account-i boleh dibuka sebagai akaun bersama yang terdiri daripada beberapa nama tidak melebihi dua (2) orang (“Pemegang Akaun Bersama”) kesemuanya dalam satu masa. Kedua-dua atas salah satu Pemegang Akaun Bersama berhak atau dibenarkan untuk membeli, menjual, menebus dan/atau memindahkan Emas melalui BSN MyGold Account-i (“Penandatanganan/Pengguna yang Diberi Kuasa”). Pemegang Akaun Bersama faham bahawa semua tanggungjawab, kuasa, autoriti dan liabiliti yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini mengikat Pemegang Akaun Bersama, secara bersama dan berasingan.*
- 4.2 The authority conferred on the said Authorized Signatory/User operating the Joint Account shall include without limitation of the following:- / *Kuasa yang diberikan kepada Penandatanganan/Pengguna yang Diberi Kuasa tersebut untuk mengendalikan Akaun Bersama hendaklah dianggap termasuk tanpa had bagi perkara yang berikut:-*
- a) Purchase, sell, redeem for physical gold or transfer of any amount (in grams); / *Beli, jual, tebus kepada emas fizikal atau pindah sebarang amaun (dalam gram);*
 - b) Continuation and closure of the Joint Account; / *Penggunaan dan penutupan Akaun Bersama;*
 - c) Use of any electronic services from time to time provided by the Bank upon such the terms and conditions, payment of all fees, costs or expenses in connection therewith from the Joint Account; / *Penggunaan apa-apa perkhidmatan elektronik dari semasa ke semasa yang disediakan oleh Bank menurut terma dan syarat berkaitan, pembayaran semua fi, kos atau perbelanjaan yang berkaitan dengannya daripada Akaun Bersama;*
 - d) Execute and fulfil the requirement for any written indemnity required by the Bank in respect of the operation of the Joint Account and/or any of the foregoing; and / *Menandatangani dan memenuhi keperluan sebarang indemniti bertulis yang dikehendaki oleh Bank berhubung dengan pengendalian Akaun Bersama dan/atau apa-apa perkara di atas; dan*
 - f) Generally the authority to apply for, cancel, modify or otherwise do all things in relation to any of the foregoing matter. / *Secara umumnya kuasa untuk memohon, membatalkan, mengubah suai atau melakukan semua perkara yang berkaitan dengan mana-mana perkara yang disebut di atas.*

- 4.3 The Joint Account Holders shall jointly and severally undertake to indemnify and hold the Bank harmless against any losses, claims, demands, proceedings, costs, expenses and other liabilities whatsoever and whenever incurred arising from any instruction issued by the Authorized Signatory/User. / *Pemegang Akaun Bersama mengaku janji secara bersama dan berasingan untuk melindungi dan melepaskan Bank daripada sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain sekalipun dan pada bila-bila masa yang ditanggung, yang timbul daripada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Penandatanganan/Pengguna yang Diberi Kuasa.*
- 4.4 A Notice served by the Bank to any one of the Joint Account Holders shall be deemed to have been served to all the Joint Account Holders / *Notis yang diberikan oleh Bank kepada salah seorang daripada Pemegang Akaun Bersama hendaklah disifatkan sebagai telah diserahkan kepada kesemua Pemegang Akaun Bersama.*
- 4.5 In all events Joint Account Holders shall be jointly and severally liable for all transactions arising from the instructions given by the Authorized Signatory/User in respect of the Joint Account. The Joint Account Holders undertake to notify the Bank of any irregularities including suspicion of forgery or act of forgery/fraud in respect of Joint Account and the Bank will not be responsible or liable for any loss, claims, demands, proceedings, costs, expenses and damage caused by the Bank relying on such instructions./ *Dalam semua keadaan Pemegang Akaun Bersama hendaklah secara bersama dan berasingan bertanggungjawab bagi segala transaksi daripada arahan yang diberikan oleh Penandatanganan/Pengguna yang Diberi Kuasa berkenaan dengan Akaun Bersama. Pemegang Akaun Bersama beraku janji untuk memaklumkan kepada Bank berkenaan apa-apa salah aturan termasuk syak pemalsuan atau tindakan pemalsuan/penipuan berhubung Akaun Bersama dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan kerugian yang disebabkan oleh tindakan Bank mengikut arahan tersebut.*
- 4.6 In the event of a petition for bankruptcy or an order of bankruptcy is served against any one or both Joint Account Holders, the Bank may at its discretion and subject to compliance (if required) with the relevant legislation prevailing at such time, or any court order, at the request of either or any of the Joint Account Holders provided that the Joint Account Holder(s) is / are the non-defaulting party, allow the Customer(s) to withdraw from the Joint Account and close the account in accordance with the Bank's requirements. / *Sekiranya petisyen kebangkrapan atau perintah kebangkrapan diserahkan terhadap mana-mana satu atau semua Pemegang Akaun Bersama, Bank boleh mengikut budi bicaranya dan tertakluk kepada pematuhan (jika perlu) dengan undang-undang yang berkaitan yang berkuatkuasa pada masa itu, atau apa-apa perintah mahkamah, atas permintaan salah satu atau mana-mana Pemegang Akaun Bersama dengan syarat Pelanggan tersebut adalah pihak yang tidak ingkar, membenarkan Pelanggan untuk menarik diri daripada Akaun Bersama dan menutup akaun mengikut keperluan-keperluan Bank.*
- 4.7 Upon Bank receiving notification of death of one of the Joint Account Holders, the Joint Account Holders understand and agree that the balance remaining in the credit / Gold of the Joint Account shall be paid to the survivor. / *Apabila Bank menerima pemakluman kematian mengenai salah seorang Pemegang Akaun Bersama, Pemegang Akaun Bersama faham dan bersetuju bahawa baki kredit / Emas dalam Akaun Bersama tersebut akan dibayar kepada pemegang akaun yang masih hidup.*

5. Non-Individual Account / Akaun Bukan Individu

- 5.1 BSN MyGold Account-i may also be opened by a business entity registered in Malaysia as a corporate account ("Corporate Account"). The Customer(s) shall be responsible for all the liabilities and provisions governing the Corporate Account. / *Pelanggan hendaklah bertanggungjawab ke atas semua liabiliti dan peruntukan yang mentadbir Akaun Korporat.*
- 5.2 The instructions, resolutions and/or mandates given by the Customer for the operation of Corporate Account shall remain in force until revoked in writing and substituted with fresh instructions, resolutions and/or mandates, and shall apply notwithstanding any change in the directorship/ membership, where applicable, whether by death, bankruptcy and / or retirement. / *Arahan, resolusi dan/atau mandat yang diberikan oleh Pelanggan untuk mengendalikan Akaun Korporat akan berkuat kuasa secara berterusan sehingga dibatalkan secara bertulis dan digantikan dengan arahan, resolusi dan/atau mandat baharu dan akan terpakai walau apa pun sebarang perubahan dalam Pengarah/ keanggotaan, yang mana berkaitan, sama ada dengan kematian, kebangkrapan dan/ atau persaraan.*
- 5.3 The Customers shall undertake to indemnify and hold the Bank harmless against any losses, claims, demands, proceedings, costs, expenses and other liabilities whatsoever and whenever incurred arising from any instruction, resolutions and/or mandates issued pursuant to Clause 5.2. / *Pelanggan mengakujajji untuk melindungi dan melepaskan Bank daripada sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain sekalipun dan pada bila-bila masa yang ditanggung, yang timbul daripada apa-apa arahan, resolusi dan/atau mandat yang dikeluarkan berdasarkan Klausula 5.2.*
- 5.4 In all events the Customers shall liable for all transactions arising from such instructions in respect of the Corporate Account. The Customer undertakes to notify the Bank of any irregularities including suspicion of forgery or act of forgery/fraud in respect of Corporate Account and the Bank will not be responsible or liable for any loss, claims, demands, proceedings, costs, expenses and damage caused by relying on the instructions./ *Dalam semua keadaan Pelanggan akan bertanggungjawab bagi segala transaksi daripada arahan berkenaan dengan Akaun Korporat. Pelanggan beraku janji untuk memaklumkan kepada Bank berkenaan apa-apa salah aturan termasuk syak pemalsuan atau tindakan pemalsuan/penipuan berhubung Akaun Korporat dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan kerugian yang disebabkan oleh tindakan Bank mengikut arahan tersebut.*
- 5.5 In the event that only one of the partners or directors/shareholders or societies/club members of the Customers is authorized to operate the Corporate Account, the authority conferred on the authorized signatories operating the Corporate Account shall include without limitation of the following:- / *Sekiranya hanya salah seorang daripada rakan kongsi atau direktor/ahli lembaga pengarah atau ahli persatuan/kelab Pelanggan dibenarkan mengendalikan Akaun Korporat, kuasa yang diberikan kepada penandatangan yang diberi kuasa untuk mengendalikan Akaun Korporat hendaklah dianggap termasuk tanpa had bagi perkara yang berikut:-*
- a) Purchase, sell, redeem for physical gold or transfer of any amount (in grams); / *Beli, jual, tebus kepada emas fizikal atau pindah sebarang amaun (dalam gram)*
 - b) Continuation and closure of the Corporate Account; / *Penggunaan dan penutupan Akaun Korporat;*
 - c) Execute and fulfil the requirement for any written indemnity required by the Bank in respect of operation of the Corporate Account and/or any of the foregoing; and / *Menandatangani dan memenuhi keperluan sebarang indemniti bertulis yang dikehendaki*

oleh Bank berhubung dengan pengendalian Akaun Korporat dan/atau apa-apa perkara di atas; dan

- f) Generally the authority to apply for, cancel, modify or otherwise do all things in relation to any of the foregoing matters. / Secara umumnya kuasa untuk memohon, membatalkan, mengubah suai atau melakukan semua perkara yang berkaitan dengan mana-mana perkara yang disebut di atas.

6. Declaration / Pengakuan

6.1 The Customer declares and undertakes to the Bank that:

- a) the Customer is not an undischarged bankrupt or is wound-up and that no Insolvency Matter have been instituted against the Customer and/or the Authorised Signatory under the laws of Malaysia or any other jurisdiction; / Pelanggan bukan seorang mufliis yang belum dibebaskan atau digulungkan dan tidak ada Perkara Insolvensi yang dikenakan terhadap Pelanggan dan/atau Penandatanganan Yang Diberi Kuasa berdasarkan undang-undang Malaysia atau bidang kuasa lain;
- b) the information provided by the Customer to the Bank is true, accurate and current and the Customer authorise the Bank to verify the same with any party and using any source as the Bank deems appropriate; and / maklumat yang Pelanggan berikan kepada Bank adalah benar, tepat dan terkini dan Pelanggan membenarkan Bank untuk mengesahkan perkara yang sama dengan mana-mana pihak dan menggunakan sumber apa pun yang difikirkan sesuai oleh Bank; dan
- c) the Customer consents to the disclosure of information by the Bank under Clause 24 (Disclosure of Customer Information and Personal Data). / Pelanggan bersetuju dengan pendedahan maklumat oleh Bank di bawah Klausula 25 (Pendedahan Maklumat Pelanggan dan Data Peribadi).

7. Purchase Of Gold / Pembelian Emas

7.1 Subject to the Shariah application of Bai' Musawamah, the Customer purchase the Gold from the Bank and the Bank may sell the Gold to the Customer, may from time to time, in accordance with these Terms and Conditions. The purchase of the Gold shall be based on the Bank's Sale Price and the mode of payment shall be via direct debit from the Customer's Designated Account. Tertakluk kepada aplikasi Syariah Bai' Musawamah, Pelanggan boleh membeli Emas daripada Bank dan Bank boleh menjual Emas kepada Pelanggan, dari semasa ke semasa, mengikut Terma dan Syarat ini. Pembelian Emas adalah berdasarkan Harga Jualan Bank dan cara pembayaran adalah melalui pendebitan terus daripada Akaun Yang Ditetapkan Pelanggan.

7.2 Upon successful purchase of the Gold, the Bank will record the following information in the Customer's BSN My Gold Account-i: / Setelah pembelian Emas Berjaya dilakukan, Bank akan merekodkan maklumat berikut di dalam BSN My Gold Account-i Pelanggan:

- a) the ownership serial number; / nombor siri pemilikan;
- b) the quantity of Gold purchased in gram; / kuantiti Emas yang dibeli dalam gram;
- c) the price of Gold purchased in Malaysia Ringgit;/ harga Emas yang dibeli dalam Ringgit Malaysia;
- d) the price of Gold per gram in Malaysia Ringgit; and / harga Emas per gram dalam Ringgit Malaysia; dan
- e) the balance of Gold (in gram) at the time of purchase. / baki Emas (dalam gram) pada masa pembelian.

- 7.3 The Customer hereby agrees to appoint the Bank as an Agent and the Bank agrees to accept the appointment to assign and re-assign the Physical Cast Gold Bar or Physical Minted Gold Bar serial number on behalf of the Customer. / *Pelanggan dengan ini bersetuju melantik Bank sebagai Ejen dan Bank bersetuju menerima pelantikan itu untuk menetapkan dan menyerahkan semula nombor siri Bar Emas Fizikal bagi pihak Pelanggan.*
- 7.4 The terms on the Initial Purchase and subsequent purchase(s) are as tabulated below. / *Terma berhubung Pembelian awal dan seterusnya adalah seperti jadual di bawah:*

TYPE OF CUSTOMER / JENIS PELANGGAN	INITIAL PURCHASE / PEMBELIAN AWAL	SUBSEQUENT PURCHASE / PEMBELIAN SETERUSNYA
Individual / <i>Individu</i> (Malaysian, Resident & Non- Resident / <i>Warganegara Malaysia, Residen & Bukan Residen</i>)	Minimum of RM10 or its equivalent in gram based on the Bank's Sale Price / <i>Minimum RM10 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan Harga Jualan semasa Bank</i>	Minimum of RM10 or its equivalent in gram based on the Bank Sale Price / <i>Minimum RM10 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan Harga Jualan semasa Bank</i>
Non Individual / <i>Bukan Individu</i>	Minimum of RM500 or its equivalent in gram based on the Bank's Sale Price / <i>Minimum RM500 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan Harga Jualan semasa Bank</i>	Minimum of RM10 or its equivalent in gram based on the Bank's Sale Price / <i>Minimum RM10 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan Harga Jualan semasa Bank</i>

8. Purchase Price / *Harga Belian*

- 8.1 The Gold price per gram for each purchase by the Customer will be the Selling Price as quoted or indicated by the Bank based on the prevailing Gold price at the time of the placement of the purchase; whether the purchase was made at the Bank's branches or via BSN Internet Banking or any other platform provided by Bank from time to time. The Selling Price quoted or indicated will be determined by the Bank at its discretion by taking into account all factors it deems relevant. / *Harga Emas per gram untuk setiap pembelian oleh Pelanggan akan menjadi Harga Jualan seperti yang disebutkan atau dinyatakan oleh Bank berdasarkan harga Emas semasa pada masa pembelian dilakukan; sama ada pembelian dibuat melalui cawangan Bank atau Perbankan Internet BSN atau mana-mana platform yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa. Harga Jualan yang disebut atau dinyatakan akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya dengan mengambil kira semua faktor yang dianggap relevan.*
- 8.2 The Customer acknowledges that the indicative daily purchase price (Selling Price from the Bank's perspective) of Gold on the Business Day will be displayed on the BSN's Website. / *Pelanggan mengakui bahawa harga beli harian (Harga Jualan dari perspektif Bank) Emas pada Hari Niaga akan disiarkan di Laman Web BSN.*

9. Safekeeping of the Physical Gold/ *Penyimpanan Bar Emas Fizikal*

- 9.1 Customer hereby agrees to appoint the Bank as an Agent and the Bank agrees to accept the appointment with Management Fee to identify, arrange and safe keep the Gold purchased from the Bank. / *Pelanggan dengan ini bersetuju melantik Bank sebagai Ejen dan*

Bank bersetuju menerima pelantikan ini dengan bayaran Yuran Pengurusan untuk mengenal pasti, mengatur dan menyimpan Emas yang dibeli dari Bank.

- 9.2 For the Bank's appointment as an agent to safe keep the Gold, the Bank will impose a Management Fee of RM0.10/ per gram based on the average value of Gold balance in the Customer's BSN MyGold Account-i at end of the every month. Such Management Fee will be debited from the Designated Account on a monthly basis. / *Bagi pelantikan Bank sebagai agen untuk menyimpan Emas, Bank akan mengenakan Yuran Pengurusan sebanyak RM0.10 setiap gram berdasarkan nilai purata baki Emas Pelanggan dalam BSN MyGold Account-i Pelanggan pada setiap akhir bulan. Yuran Pengurusan tersebut akan didebitkan dari Akaun Yang Ditetapkan Pelanggan pada setiap bulan.*

The Management Fee consists of the following: / Yuran Pengurusan terdiri daripada perkara berikut:

1) Cost on utility and maintenance of gold safe keeping / Kos untuk kegunaan dan penyelenggaraan emas yang disimpan:

Average BSN MyGold Account-i balance as at end of every month x RM0.03 per gram / *Purata baki BSN MyGold Account-i pada akhir setiap bulan x RM0.03 setiap gram*

2) Takaful cost for gold safe keeping / Kos Takaful untuk penyimpanan emas:

Average MyBSN Gold Account-i balance as at end of every month x RM0.07 per gram / *Purata baki MyBSN Gold Account-i pada akhir setiap bulan*

- 9.3 The Customer must always ensure that there is sufficient amount in the Designated Account for the Bank to debit the Management Fee every month or at any time the Bank deems fit. / *Pelanggan hendaklah sentiasa memastikan bahawa terdapat jumlah yang mencukupi dalam Akaun Yang Ditetapkan untuk Bank mendebitkan Yuran Pengurusan pada setiap bulan atau pada bila-bila masa yang difikirkan patut oleh Bank.*

- 9.4 In the event the Management Fee is due for three (3) consecutive months, the Bank will issue a reminder via SMS to the Customer's mobile number, notification letter to registered mailing address and/or email address registered with the Bank. The Customer is required to deposit the amount due in the Designated Account within seven (7) days from date of the SMS, failing which the Bank has a right to perform the following exercise to recover the amount due: / *Sekiranya Yuran Pengurusan Pelanggan tertunggak selama tiga (3) bulan berturut-turut, Bank akan mengeluarkan peringatan terakhir melalui SMS ke nombor telefon bimbit dan/atau melalui e-mel yang didaftarkan dengan Bank. Pelanggan dikehendaki memasukkan amaun yang harus dibayar ke dalam Akaun Yang Ditetapkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh peringatan akhir dihantar, sekiranya gagal Bank mempunyai hak untuk melakukan tindakan berikut untuk mendapatkan semula jumlah yang tertunggak :*

- a) to exercise the Bank's right to set-off the amount due from any available amount in any banking account registered under Customer's name with the Bank. / *untuk melaksanakan hak Bank untuk mengambil jumlah yang tertunggak dari mana-mana akaun perbankan yang didaftarkan atas nama Pelanggan dengan Bank;*

and/or / *dan/atau*

- b) the Customer hereby agrees to appoint the Bank as an Agent and the Bank agrees to accept the appointment to sell the available gold balance in BSN MyGold Account-i (The Bank will buy the available Gold balance in BSN MyGold Account-i based on the Bank prevailing Purchase Price). The remaining of the sales proceed, after the deduction of the amount due to the Bank, will be credited into Customer's Designated Account. / *Pelanggan dengan ini bersetuju melantik Bank sebagai Ejen dan Bank bersetuju menerima pelantikan ini untuk menjual baki Emas dalam BSN MyGold Account-i (Bank akan*

membeli baki emas di dalam BSN MyGold Account-i berdasarkan Harga Belian semasa Bank). Hasil dari lebih jualan emas, selepas penolakan jumlah yang terhutang kepada pihak Bank, akan dikreditkan ke dalam Akaun Yang Ditetapkan Pelanggan.;

and/or / dan/atau

- c) *take legal action against the Customer whereby all costs related thereto shall be borne by the Customer. / mengambil tindakan undang-undang ke atas Pelanggan di mana segala kos yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.*

10. Transfer of Gold / Pemindahan Emas

10.1 *The Customer acknowledges and agrees that the Customer is allowed to transfer the available Gold balance in grams from the Customer's BSN MyGold Account-i to another BSN MyGold Account-i and/or any third party's BSN MyGold Account-i within the Bank. The Customer also acknowledges and agrees that any transfer of Gold made by the Customer pursuant to this Clause will be done in a manner not contrary to the Shariah principles. / Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Pelanggan dibenarkan untuk memindahkan baki Emas yang ada dalam gram daripada BSN MyGold Account-i Pelanggan kepada akaun BSN MyGold Account-i yang lain dan / atau BSN MyGold Account-i pihak ketiga. Pelanggan juga mengakui dan bersetuju bahawa mana-mana pemindahan Emas yang Pelanggan lakukan menurut klausa ini tidak akan bercanggah dengan prinsip Syariah.*

10.2 *Upon the completion of the Gold transfer transaction as instructed by the Customer, the Bank will update the Customer's BSN MyGold Account-i accordingly. / Setelah transaksi pemindahan Emas disempurnakan seperti diarahkan oleh Pelanggan, Bank akan mengemas kini BSN MyGold Account-i Pelanggan sewajarnya.*

11. Sale of Gold / Penjualan Emas

11.1 *Subject to the Shariah application of Bai' Musawamah, the Customer may from time to time sell the Gold available in the Customer's BSN MyGold Account-i to the Bank and the Bank may purchase the said Gold from the Customer. Sale of Gold shall be based on the Bank's Purchase Price and payment shall be credited into Customer's Designated Account after the deduction of any fees (if any). / Tertakluk kepada aplikasi Syariah Bai' Musawamah, Pelanggan boleh dari semasa ke semasa menjual Emas yang terdapat dalam BSN MyGold Account-i kepada Bank dan Bank boleh membelu Emas tersebut daripada Pelanggan. Penjualan Emas adalah berdasarkan Harga Belian yang ditetapkan Bank dan bayaran hendaklah dikreditkan ke dalam Akaun Yang Ditetapkan selepas ditolak sebarang yuran (jika ada).*

11.2 *Upon the completion of the sale of Gold transaction as instructed by the Customer, the Bank will update the following information in BSN MyGold Account-i accordingly: / Setelah transaksi penjualan Emas disempurnakan seperti diarahkan oleh Pelanggan, Bank akan mengemas kini maklumat berikut di dalam BSN MyGold Account-i Pelanggan sewajarnya:*

- a) *the quantity of Gold sold in gram; / kuantiti Emas yang dijual dalam gram;*
- b) *the price of Gold sold in Malaysia Ringgit; / harga Emas yang dijual dalam Ringgit Malaysia;*
- c) *the price of Gold sold per gram in Malaysia Ringgit; and / harga Emas yang dijual setiap gram dalam Ringgit Malaysia; dan*
- d) *the balance of Gold (in gram), if any, in the BSN MyGold Account-i. / baki emas (dalam gram), jika ada, di dalam BSN MyGold Account-i.*

- 11.3 Customer must ensure that any sale instruction will be limited to the actual quantity of Gold in BSN MyGold Account-i. In the event there is insufficient Gold in the account, the Bank reserves the right to reject the sale instruction. / *Pelanggan mesti memastikan bahawa sebarang arahan penjualan terhad kepada kuantiti Emas sebenar di dalam BSN MyGold Account-i. Sekiranya baki Emas tidak mencukupi dalam akaun, Bank berhak untuk menolak untuk melaksanakan arahan penjualan tersebut.*
- 11.4 Customer hereby agrees to appoint the Bank as an Agent and the Bank agrees to accept the appointment to assign and re-assign the Physical Cast Gold Bar serial number on behalf of the Customer. / *Pelanggan dengan ini bersetuju melantik Bank sebagai Ejen dan Bank bersetuju menerima pelantikan itu untuk menetapkan dan menyerahkan semula nombor siri Bar Emas Fizikal bagi pihak Pelanggan.*

12. Sale Price / Harga Jualan

- 12.1 The sale price per gram for each sale of Gold will be at the Purchase Price as quoted or indicated by the Bank at the time of such transaction; whether the sale was made at BSN's branches or via BSN Internet Banking. The Purchase Price quoted or indicated will be determined by the Bank at its discretion by taking into account all factors it deems relevant. / *Harga Jualan setiap gram bagi setiap penjualan Emas adalah pada Harga Belian seperti yang disebut atau dinyatakan oleh Bank pada masa transaksi tersebut; sama ada jualan dibuat di cawangan BSN atau melalui Perbankan Internet BSN. Harga Belian yang disebut atau dinyatakan akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya dengan mengambil kira semua faktor yang dianggap relevan.*
- 12.2 The Customer acknowledges that the indicative daily Purchase Price of Gold during the Business Day shall be displayed at BSN's Website / *Pelanggan mengakui bahawa Harga Belian harian (harga jualan dari perspektif Bank) Emas pada Hari Niaga akan disiarkan semasa di Laman Web BSN.*

13. Redemption to Physical Gold / Penebusan kepada Emas Fizikal

- 13.1 The Bank provides an option for the Customer to redeem the Physical Minted Gold Bar and/or Physical Cast Gold Bar subject to the Terms and Conditions herein. / *Bank menyediakan pilihan kepada Pelanggan untuk menebus Bar Emas Fizikal Khas dan/atau Bar Emas Fizikal tertakluk kepada Terma dan Syarat di sini.*
- 13.2 The available denominations for redemption of Gold are 1 gram, 5 grams, 10 grams, 50 grams, 100 grams and 1000 grams and/or any denominations that maybe determined by the Bank from time to time. / *Denominasi yang ada untuk penebusan Emas ialah 1 gram, 5 grams, 10 grams, 50 grams, 100 grams dan 1000 grams dan/atau apa-apa denominasi yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.*
- 13.3 All request for redemption to physical Gold will be arranged and couriered by the Gold Supplier through the Courier Services or special delivery service to the Customer's registered address. Hence, Customer is hereby understand and consent to the disclosure of all relevant information that are name of beneficiaries, mailing address and contact number by the Bank to the Gold Supplier. / *Semua permintaan penebusan Emas fizikal akan diuruskan dan dihantar oleh Pembekal Emas melalui Perkhidmatan Kurier atau penghantaran khas ke alamat yang didaftarkan Pelanggan. Oleh itu, Pelanggan dengan ini memahami dan bersetuju untuk pihak Bank mendedahkan maklumat yang relevan kepada*

Pembekal Emas iaitu nama penerima, alamat surat menyurat dan nombor yang boleh dihubungi.

- 13.4 The Customer agrees and gives consent to the Bank to debit the applicable fees and charges incurred as per Clause 15 for Gold redemption from the Customer's Designated Account. / *Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit yuran dan caj yang terpakai yang ditanggung mengikut Klausula 15 untuk penebusan Emas daripada Akaun Yang Ditetapkan Pelanggan.*
- 13.5 The Customer hereby agrees to appoint the Bank as an Agent and the Bank agrees to accept the appointment to assign and re-assign the Physical Cast Gold Bar serial number on behalf of the Customer. / *Pelanggan dengan ini bersetuju melantik Bank sebagai Ejen dan Bank bersetuju menerima pelantikan itu untuk menetapkan dan menyerahkan semula nombor siri Bar Emas Fizikal bagi pihak Pelanggan.*

14. Closure of Account / Penutupan Akaun

- 14.1 If the Customer wishes to close the BSN MyGold Account-i, the Customer may do so by selling all the Gold to the Bank at the Purchase Price as shall be quoted by the Bank at the time of such sale and all proceeds of sale therefrom shall be paid to the Customer in Malaysia Ringgit by crediting into the Designated Account. / *Sekiranya Pelanggan ingin menutup BSN MyGold Account-i, Pelanggan boleh melakukannya dengan menjual semua baki Emas kepada Bank pada Harga Belian semasa yang akan ditentukan dan disebutkan oleh Bank pada masa penjualan tersebut dan semua hasil penjualan akan dibayar dalam Ringgit Malaysia dengan kredit terus ke dalam Akaun Yang Ditetapkan.*
- 14.2 The Customer may also close BSN MyGold Account-i by transferring all the Gold to another account of BSN MyGold Account-i which is registered under the Customer's name or a third party's name. / *Pelanggan juga boleh menutup BSN MyGold Account-i dengan memindahkan semua baki Emas kepada BSN MyGold Account-i lain yang didaftarkan di bawah nama Pelanggan atau pihak ketiga.*
- 14.3 BSN MyGold Account-i can only be closed upon request by the Customer by being present at the Bank's branches or through BSN Internet Banking. At the Bank's branches, MyKad or valid passport must be presented for the closure of the BSN MyGold Account-i. The Customer shall comply with all the Bank's prevailing requirements for the closure of the BSN MyGold Account-i stated herein and/ or which may be prescribed by the Bank from time to time. / *BSN MyGold Account-i hanya boleh ditutup apabila diminta oleh Pelanggan dengan menghadirkan diri di cawangan Bank atau melalui Perbankan Internet BSN. Di cawangan Bank, MyKad atau passport yang sah hendaklah ditunjukkan bagi penutupan BSN MyGold Account-i. Pelanggan harus mematuhi semua syarat Bank untuk penutupan BSN MyGold Account-i yang dinyatakan di sini dan /atau yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.*
- 14.4 The Customer hereby agrees that the Bank has the right to: / *Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak untuk:*
- a) Close any BSN MyGold Account-i if the Customer's name appear(s) in the blacklist issued by BNM or any relevant authorities; / *Menutup mana-mana akaun jika nama Pelanggan terdapat dalam senarai hitam yang dikeluarkan oleh BNM dan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan;*
 - b) Close any BSN MyGold Account-i for any reason by giving adequate notice of such intention prior to such closure. / *Menutup mana-mana akaun walau atas apa-apa sebab sekalipun dengan memberikan notis yang memadai mengenai tujuan tersebut sebelum penutupan tersebut.*

- c) Close any BSN MyGold Account-i if there is no Gold balance in BSN MyGold Account-i for consecutive period of five (5) years without the necessity to assign any reason and/or notice to Customer./ *Bank berhak menutup BSN MyGold Account-i sekiranya tiada baki Emas di dalam BSN MyGold Account-i selama lima (5) tahun berturut-turut tanpa perlu memberikan alasan dan/ atau notis kepada pelanggan.*

- 14.5 Upon closure of BSN MyGold Account-i by the Bank, the proceeds of the sale (if any) will be credited into the Designated Account. The Bank will not be responsible for any loss, if any, in the sale of the Gold or for any loss or depreciation in value of the Gold for any reasons including but not limited to the fluctuation of Gold price. The Customer expressly and irrevocably agrees that the judgment, decision and discretion of the Bank in respect of the timing, price and terms of sale of the Gold will be final, binding and conclusive and will not be questioned on any account. / *Selepas penutupan BSN MyGold Account-i oleh Bank, hasil penjualan (jika ada) akan dikreditkan ke dalam Akaun Yang Ditetapkan. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, jika ada dalam penjualan Emas atau apa-apa kerugian atau susut nilai Emas bagi apa-apa sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada turun naik harga Emas. Pelanggan dengan nyata dan tidak boleh menarik balik bersetuju bahawa pertimbangan, keputusan dan budi bicara Bank berkenaan dengan masa, harga dan terma Jualan Emas adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan tidak akan dipersoalkan pada mana-mana akaun.*

15. Fees and Charges / *Fi dan Caj*

- 15.1 The Customer hereby agrees that the Bank has the right to impose and/or vary such fees and charges that are applicable to the BSN MyGold Account-i from time to time to the Customer and it shall become effective on such date as the Bank may elect to adopt. However any change in fees and charges must be notified by giving adequate notice to Customer prior to the effective date of implementation. Such notification shall be communicated to the Customer in writing or electronically or via advertisement displayed at the Bank's branches and on BSN's Website. / *Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengenakan dan / atau mengubah fi dan caj yang terpakai ke atas BSN MyGold Account-i dari semasa ke semasa kepada Pelanggan dan fi dan caj tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank untuk diterima pakai. Walau bagaimanapun, apa-apa perubahan terhadap fi dan caj akan dimaklumkan kepada Pelanggan dengan memberikan notis yang memadai sebelum tarikh kuatkuasa pelaksanaannya. Pemakluman akan diberikan kepada Pelanggan secara bertulis atau elektronik atau melalui paparan di cawangan Bank dan Laman Web BSN.*
- 15.2 The fees and charges are stipulated in the Bank's Fees and Charges Schedule which can be accessed from the Bank's Website or the Bank's branch community wall and the Customer agrees to be bound by the Bank's Fees and Charges Schedule, which forms part of these Terms and Conditions. / *Fi dan caj dinyatakan dalam Jadual Fi dan Caj Bank yang boleh diakses melalui Laman Web Bank atau 'Community Wall' di cawangan Bank dan Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Jadual Fi dan Caj Bank, yang membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.*
- 15.3 For the above purpose, the Customer must ensure that there are sufficient funds in the Designated Account at all times for the Bank to debit and make payment of such charges. / *Untuk tujuan di atas, Pelanggan hendaklah memastikan dana yang mencukupi di dalam Akaun Yang Ditetapkan pada setiap masa untuk Bank melakukan pendebitan dan membuat pembayaran caj tersebut.*

- 15.4 The Bank is authorized to debit the Designated Account for the redemption to physical Gold charges or such other amount as the Bank may determine from time to time as follows: / *Bank diberi kuasa untuk mendebitkan caj bagi penebusan emas fizikal daripada Akaun Yang Ditetapkan atau jumlah lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa seperti berikut:*

Gold Denomination / Denominasi emas	Total Redemption to Physical Gold Charges / Jumlah Caj Penebusan Emas Fizikal
1 gram	RM43.00
5 grams	RM80.00
10 grams	RM125.00
50 grams	RM510.00
100 grams	RM860.00
1,000 grams	RM1,500.00

The redemption to physical Gold charges above is imposed by the Gold Supplier. / *Caj penebusan Emas fizikal di atas dikenakan oleh Pembekal Emas.*

- 15.5 The Bank is authorized to debit the Designated Account for the Courier Service charges and/ or special delivery charge as follows: / *Bank diberi kuasa untuk mendebitkan Akaun Yang Ditetapkan untuk caj perkhidmatan Kurier dan/ atau caj penghantaran khas seperti berikut:*

Courier Service charges: / *Caj Perkhidmatan Kurier:*

Items / Perkara	Cost / Kos	Packing Limit / Had Pembungkusan
Peninsular / East Malaysia (Sabah & Sarawak) / <i>Semenanjung / Timur Malaysia (Sabah & Sarawak)</i>	RM15.00	Min 1 gram – Max 100 grams AND Min 1pc – Max 30 pcs per parcel. <i>Min 1 gram - Mak 100 grams DAN Min sekeping – Mak 30 keping setiap bungkusan.</i>

Special delivery charges: / *Caj penghantaran khas*

Items / Perkara	Cost / Kos
Peninsular Malaysia / <i>Semenanjung Malaysia</i>	RM1,000.00
East Malaysia (Sabah & Sarawak) / <i>Timur Malaysia (Sabah & Sarawak)</i>	RM2,200.00

- 15.6 The Courier Service charges and/ or special delivery charges are imposed by the Gold Supplier. The Customer will also be charged for re-delivery of unsuccessful parcel (2nd delivery attempt onwards) at the same rate as specified above. / *Caj Perkhidmatan Kurier dan/ atau Caj penghantaran khas dikenakan oleh Pembekal Emas. Pelanggan turut akan dikenakan caj bagi penghantaran semula bungkusan (percubaan penghantaran kali ke-dua dan seterusnya) pada kadar yang sama yang dinyatakan di atas.*
- 15.7 For the Bank's appointment as an Agent to safe keep the Customer's Gold upon purchase, the Bank will impose a Management Fee of RM0.10 per gram based on the average Gold account balance in the Customer's BSN MyGold Account-i as at end of every month. The Bank is authorised to debit the Designated Account for the said fee on every first day of the month or at any time as the Bank may determine from time to time. / *Bagi pelantikan Bank sebagai Ejen yang menyimpan Emas Pelanggan selepas pembelian, Bank akan mengenakan*

bayaran Yuran Pengurusan sebanyak RM0.10 setiap gram berdasarkan nilai purata baki Emas di dalam BSN MyGold Account-i Pelanggan pada akhir setiap bulan. Bank diberi kuasa untuk mendebitkan bayaran tersebut dari Akaun Yang Ditetapkan pada hari pertama setiap bulan atau pada bila-bila masa yang akan ditentukan oleh Bank.

- 15.8 In the event the Bank is unable to debit the Management Fee amount due for a consecutive three (3) months from the Designated Account, Clause 9.4 is applicable. / *Sekiranya Bank tidak dapat mendebitkan Yuran Pengurusan yang tertunggak selama tiga (3) bulan berturut-turut daripada Akaun yang Ditetapkan, Klausula 9.4 adalah terpakai.*

16. Liability / Liabiliti

- 16.1. The Customer hereby agrees that Bank shall not be responsible for or liable to the Customer for any loss incurred by the operation of BSN MyGold Account-i opened by the Customer with the Bank (including any loss arising from the investment made by the Customer, if relevant) unless such loss is directly attributed to the willful negligence of the Bank. / *Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab untuk atau menanggung liabiliti terhadap apa-apa kerugian yang disebabkan oleh operasi BSN MyGold Account-i yang dibuka oleh Pelanggan dengan Bank (termasuk apa-apa kerugian berpunca daripada pelaburan yang dibuat oleh Pelanggan, jika berkenaan) melainkan kerugian tersebut adalah secara langsung disebabkan oleh kecuaiian pihak Bank secara sengaja.*
- 16.2. The Customer agrees to be liable for and shall fully indemnify the Bank and hold the Bank harmless against all penalties, damages, claims, losses, costs and expenses (legal or otherwise including costs on a solicitor and client basis) which the Bank may incur as a result of: / *Pelanggan bersetuju bertanggungjawab dan menanggung rugi Bank secara penuh ke atas kesemua penalti, kerugian, tuntutan, kehilangan, kos dan perbelanjaan (guaman atau selainnya termasuk kos atas dasar peguam cara dengan pelanggan) yang ditanggung oleh Bank akibat:*
- a) Breach of these Terms and Conditions by the Customer; / *Pelanggaran Terma dan Syarat ini oleh Pelanggan;*
 - b) Fraudulent acts by the Customer; / *Perbuatan penipuan oleh Pelanggan;*
 - c) Disclosure of Security Details by the Customer to any other person including through any email or on a third party website; / *Pendedahan Butiran Keselamatan oleh Pelanggan kepada orang lain termasuk melalui apa-apa emel atau di laman web pihak ketiga;*
 - d) Failure of the Customer to take reasonable steps to keep the Security Details private and/or secure at all times; / *Kegagalan Pelanggan untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan Butiran Keselamatan dirahsiakan dan/atau selamat pada setiap masa;*
 - e) Failure of the Customer to report a breach, disclosure or compromise of the Security Details as soon as reasonably practicable upon being aware of the breach or disclosure or compromise respectively; / *Kegagalan Pelanggan untuk melaporkan pelanggaran, pendedahan atau kompromi Butiran Keselamatan secepat mungkin apabila menyedari pelanggaran, pendedahan atau kompromi tersebut;*
 - f) The Bank discharging a valid mandate requested by the Customer; / *Bank bertindak atas mandat yang sah yang diminta/diarahkan oleh Pelanggan;*
 - g) The Bank enforcing any of its rights against the Customer; / *Bank menguatkuasakan mana-mana haknya terhadap Pelanggan;*
 - h) The Bank complying with any regulatory requirements; and/or / *Bank mematuhi mana-mana keperluan kawal selia; dan/ atau*
 - i) The Bank complying with any court judgment or any court order, whether or not having the force of law issued by any legally constituted tribunal, body, entity or authority, arising from any actions or proceedings (legally or otherwise) and which are applicable to or directed to or in any way related to the Customer, and/or

Customer's account(s) which is/are maintained with the Bank. / *Bank mematuhi apa-apa penghakiman mahkamah atau apa-apa perintah mahkamah, sama ada mempunyai kuatkuasa undang-undang atau tidak, yang dikeluarkan oleh mana-mana badan, tribunal, entity atau pihak berkuasa yang ditubuhkan secara sah, yang timbul daripada apa-apa tindakan atau prosiding (sah atau sebaliknya) dan yang terpakai untuk atau ditujukan kepada atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan Pelanggan, dan/ atau akaun Pelanggan di Bank.*

16.3. The indemnities provided above shall not be applicable in relation to the electronic banking transactions allowed to be carried out by the Bank to the extent that the losses, costs or expenses incurred, arising from: / *Tanggung rugi yang diperuntukkan di atas tidak terpakai kepada transaksi perbankan elektronik yang dibenarkan untuk dilakukan oleh Bank setakat mana kerugian, kos atau perbelanjaan yang ditanggung, timbul daripada:*

- a) *A technical breakdown or proven deficiency in the systems and equipment under the full control of the Bank; / Kerosakan teknikal atau kekurangan yang terbukti dalam sistem dan kelengkapan di bawah kawalan penuh Bank;*
- b) *A proven weakness or vulnerability in the security features and controls adopted by the Bank; / Kelemahan atau pendedahan yang terbukti dalam ciri-ciri keselamatan dan kawalan yang diguna pakai oleh Bank;*
- c) *Transaction(s) that is performed by the Bank after the Bank has been notified by the Customer of unauthorized transaction or of the breach, disclosure or compromise of any Security Details provided that the said breach, disclosure or compromise of Security Details was not due to Customer's own acts; / Transaksi yang dilakukan oleh Bank selepas Pelanggan memaklumkan Bank tentang transaksi yang tidak dibenarkan atau pelanggaran, pendedahan atau kompromi ke atas apa-apa Butiran Keselamatan dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kompromi Butiran Keselamatan tersebut bukan disebabkan oleh tindakan Pelanggan sendiri;*
- d) *Transaction(s) that occurred prior to the Customer receiving any Security Details in relation to the access and use of Customer's account; and/or / Transaksi yang berlaku sebelum Pelanggan menerima apa-apa Butiran Keselamatan yang berkaitan dengan akses dan penggunaan akaun Pelanggan; dan/ atau*
- e) *Security Details that are forged, faulty, expired or cancelled provided that it is not due to the Customer acts or omissions. / Butiran Keselamatan yang dipalsukan, salah, tamat tempoh atau dibatalkan dengan syarat perkara tersebut bukan disebabkan oleh tindakan atau pengabaian Pelanggan sendiri.*

17. Right to Debit Account and Adjustment / Hak untuk Mendebit Akaun dan Pelarasan

17.1 The Customer hereby authorizes the Bank to debit the Designated Account where relevant amount had been mistakenly paid/credited into the Account and/or by virtue of any of the Bank's operational and/ r system errors or malfunctioning and/or any other causes which is or are beyond the Bank's reasonable control by giving adequate notice to the Customer prior to such debit. / *Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk membuat pendebitan Akaun Yang Ditetapkan ke atas sebarang amaun berkaitan yang telah tersilap bayar atau kredit ke dalam Akaun dan/atau oleh sebab mana-mana keralatan operasi Bank dan/atau sistem dan/atau mana-mana sebab lain yang di luar kawalan munasabah Bank dengan memberikan notis yang memadai kepada Pelanggan sebelum sebarang pendebitan dilakukan.*

18. Right to Set-Off / Hak untuk Tolak Selesai

18.1 The Customer hereby agrees that Bank has the right to set-off or transfer any credit balance in the Customer's BSN MyGold Account-i towards the reduction and / or discharge of any sum due to the Bank under the Customer's BSN MyGold Account-i, by giving seven (7) calendar days' notice prior to the effective date to the Customer. / *Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menolak selesai atau memindah sebarang baki kredit BSN MyGold Account-i bagi tujuan pengurangan dan/atau pelepasan sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada Bank di bawah Akaun, dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh kuatkuasa kepada Pelanggan.*

19. Change of Particulars / Pertukaran Butiran

19.1. The Customer shall immediately inform the Bank of any changes of address, contact numbers, authorized signatories (if any) or other particulars by visiting Bank's branches or by updating the Customer's profile through BSN's Website, failing which the Bank is entitled to rely on the last known details in its record. / *Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan pihak Bank sebarang pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi, penandatanganan yang dibenarkan (jika ada) atau butiran lain dengan mengunjungi cawangan Bank atau kemas kini profil Pelanggan melalui Laman Web BSN, sekiranya gagal, pihak Bank berhak untuk bergantung kepada butiran terakhir yang diketahui di dalam rekod Bank.*

20. Freezing of Account / Pembekuan Akaun

20.1. The Bank reserves the right to freeze the BSN MyGold Account-i at any time on the basis as it deems appropriate and necessary including by virtue of BNM directives or court orders, regulations or enactment, bankruptcy of the Customer, winding up/dissolution of the Customer, deceased of Customer, insanity or at the discretion of the Bank. / *Pihak Bank berhak untuk membekukan BSN MyGold Account-i pada bila-bila masa atas apa-apa sebab yang difikirkan sesuai dan perlu termasuklah berdasarkan arahan BNM atau perintah mahkamah, peraturan atau enakmen, kebangkrapan Pelanggan, penggulungan/pembubaran Pelanggan, kematian Pelanggan, ketaksiuman atau atas budi bicara pihak Bank.*

20.2. The Customer shall consult the Bank for the purpose of unfreezing the BSN MyGold Account-i with appropriate evidence to the satisfaction of the Bank. / *Pelanggan hendaklah berunding dengan pihak Bank bagi tujuan tidak membekukan BSN MyGold Account-i bersama bukti yang sewajarnya yang memuaskan hati pihak Bank.*

20.3. The Customer further agrees that should the Bank be sued or be made a party in any suit arising out of the Bank's action in freezing of the BSN MyGold Account-i herein or should the Bank before or after the freezing of the BSN MyGold Account-i commence any suit including but not limited to any interpleader proceedings against any party including the Customer for any appropriate relief or declaration to be made by any court, all penalties, losses, damages, claims, expenses, charges and costs (legal or otherwise including costs on a solicitors and client basis) which may be awarded against the Bank or which the Bank may incur shall be indemnified by the Customer. / *Pelanggan bersetuju bahawa jika Bank didakwa atau dijadikan pihak dalam apa-apa tindakan guaman yang timbul kerana tindakan Bank dalam pembekuan BSN MyGold Account-i atau jika Bank sebelum atau selepas pembekuan BSN MyGold Account-i itu memulakan apa-apa tindakan guaman terhadap mana-mana pihak termasuk Pelanggan untuk apa-apa relief atau pengisytiharan yang wajar yang akan dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua penalti, kerugian, ganti rugi, tuntutan, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau selainnya termasuk kos berdasarkan rundingan peguam cara dengan pelanggan) yang mungkin*

diawadkan kepada Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank, hendaklah ditanggung rugi oleh Pelanggan.

- 20.4 In addition to any provision herein, the Bank shall block, restrict, or suspend the operation of all accounts of the Customer with the Bank which are related to BSN MyGold Account-i in accordance with the terms of any court orders (bankruptcy, winding-up, injunctions, Anti-Money Laundering/Anti-Terrorism Financing, garnishee) or show-cause applications served on it and the Bank shall not be liable for any damages suffered by the Customer as a result of such block/restriction/suspension. / *Selain daripada sebarang peruntukan yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini, pihak Bank akan menyekat/ mengehadakan/ menanggungkan operasi semua akaun Pelanggan dengan Bank berkaitan dengan BSN MyGold Account-i menurut terma mana-mana perintah mahkamah (kebankrapan, penggulangan, injunksi, Pencegahan Pengubahan Wang Haram/ Pencegahan Pembiayaan Keganasan, garnisan) atau permohonan tunjuk sebab yang disampaikan ke atasnya dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada sekatan/ pengehadan/ penungguhan itu.*

21. Unforeseen Circumstances / Keadaan yang tidak Dijangka

- 21.1. The Bank will not be liable to the Customer or any third party for any inconvenience, injury, expense, liability, damages, loss of profits, earnings or goodwill if: / *Bank akan tidak bertanggungjawab kepada pelanggan atau mana-mana pihak ketiga di atas sebarang kesulitan, kecederaan, perbelanjaan, liabiliti, ganti rugi, kehilangan dari keuntungan, pendapatan atau nama baik jika:*
- a) the Bank is unable to perform any of its obligations or provide any services due to unforeseen circumstances (*Force Majeure*) ; and/or / *Bank tidak dapat melaksanakan salah satu kewajibannya atau memberikan apa-apa perkhidmatan kerana keadaan yang tidak dijangka (Force Majeure); dan/atau*
 - b) if monies credited to or debited from the BSN MyGold Account-i becomes inaccessible or diminish in value due to the unforeseen circumstances (*Force Majeure*). / *sekiranya pembayaran dikreditkan atau didebitkan dari BSN MyGold Account-i menjadi tidak dapat diakses atau berkurang nilainya kerana keadaan yang tidak dijangka (Force Majeure).*
- 21.2 For avoidance of any doubt, unforeseen circumstances or Force Majeure means including but not limited to fire, earthquake, flood, epidemic, pandemic, natural catastrophe, accident, riots, civil disturbances, industrial dispute, act of public enemy, embargo, war, act of God or any unforeseen circumstances that not within the Bank's control. / *Untuk mengelakkan sebarang keraguan, keadaan yang tidak dijangka atau force majeure bermaksud termasuk termasuk namun tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, malapetaka, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian perindustrian, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor yang bersifat tidak boleh dijangka di luar kawalan Bank.*

22. Change of Terms and Conditions / Perubahan Terma dan Syarat

- 22.1. The Bank reserves the right upon giving adequate notice prior to the effective date, to add, delete or amend any of the provisions stated herein at any time. Any variations, additions, deletions or amendments to the provisions herein shall be binding on the Customer and the Bank is deemed to have brought to the attention of the Customer through notices. All the previous Terms and Conditions shall be revoked and wholly be superseded by the latest Terms and Conditions. / *Walau apapun yang terkandung disini, Bank berhak dengan*

memberi notis yang memadai sebelum tarikh berkuatkuasa, untuk menambah, menggugur atau meminda mana-mana peruntukan yang dinyatakan di sini pada bila-bila masa. Sebarang perubahan, penambahan, pengguguran atau pindaan kepada peruntukan di dalam ini akan mengikat Pelanggan dan Bank dianggap telah membuat pemakluman kepada Pelanggan melalui notis tersebut. Kesemua Terma dan Syarat sebelumnya akan terbatal dan digantikan sepenuhnya oleh Terma dan Syarat terkini.

22.2. Any notification from the Bank to the Customer can be delivered personally or by registered or ordinary post to the Customer at the current address kept by the Bank or by displaying at BSN's Website or premises or through SMS or any other manner which deemed appropriate by the Bank. / *Sebarang pemakluman daripada Bank kepada Pelanggan boleh dihantar secara peribadi atau melalui pos berdaftar or pos biasa kepada Pelanggan di alamat semasa yang direkodkan oleh Bank atau melalui paparan di Laman Web BSN atau premis Bank atau melalui SMS atau dengan cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank.*

23. Governing Law & Jurisdiction / Undang-Undang yang Mengawal & Bidang Kuasa

23.1. These Terms and Conditions shall be governed by and construed in all respects in accordance with the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Court of Malaysia. / *Terma dan Syarat ini adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.*

24. Disclosure of Customer Information and Personal Data / Pendedahan Maklumat Pelanggan dan Data Peribadi

24.1 The Customer consents and authorizes the Bank to collect, process, disclose, transfer, maintain, store and retain the Customer's Personal Data in accordance to Personal Data Protection Act 2010 (PDPA). Personal Data under this Clause has the same meaning given under the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA). ("Personal Data"). / *Pelanggan bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, menyelenggara dan menyimpan data peribadi Pelanggan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data Peribadi di bawah Klausa ini mempunyai maksud yang sama sepertimana di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Data Peribadi").*

24.2 The Customer consents and agrees for the Bank to disclose the affairs or BSN MyGold Account-i of the Customer pursuant to Development Financial Institution Act 2002 and Personal Data of the Customer including but not limited address, telephone number or email address for the purpose connected with the operation of the BSN MyGold Account-i to the following party (the "Authorized Parties"):- / *Pelanggan membenarkan dan bersetuju untuk Bank mendedahkan hal ehwal atau BSN MyGold Account-i Pelanggan berdasarkan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Data Peribadi Pelanggan termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel, untuk tujuan yang berkaitan dengan pengendalian akaun Pelanggan kepada mana-mana pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan"):-*

(a) Any officer, employee, agent or director of the Bank, subsidiaries, associated companies, affiliates and representatives; or / *Mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Bank, subsidiari, syarikat-syarikat berkaitan, sekutu dan wakil; atau*

(b) Relevant third parties such as professional advisers, strategic business partners and alliances, service providers, insurers/Takaful operator or insurance/Takaful brokers, outsourced agents, merchants, vendors, business partners and business agents who supports the operational activities of the Bank and whom are under legal obligation to the confidentiality of Customer' data; or / *Pihak ketiga yang berkenaan seperti penasihat*

profesional, rakan perniagaan strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, syarikat insurans/pengendali Takaful atau insurans/broker Takaful, peniaga, pembekal, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi Bank dan yang berada di bawah kewajipan undang-undang untuk kerahsiaan data anda; atau

- (c) Any actual or potential participants or assignee, novatee or transferee of the Bank rights and/or obligations under any transaction between Bank and Customer (or any agents or professional advisers); or *Mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan hakhak dan/atau kewajipan Bank di bawah apa-apa transaksi antara Bank dan anda (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional); atau*
- (d) Any rating agency or direct/indirect provider of credit protection to the Bank; or / *Mana-mana agensi penarafan atau pembekal langsung / tidak langsung perlindungan kredit kepada Bank; atau*
- (e) Any party as required by any law or any government, quasigovernment, administrative, regulatory/supervisory body or authority, court or tribunal; or / *Mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan/penyeliaan kawal selia atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal; atau*
- (f) Any credit reference agency that the Bank uses for credit assessment or credit review of the Customer and parties related to the facilities provided by the Bank; or / *Mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh Bank bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit Pelanggan dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank; atau*
- (g) Any financial crime references agencies, other financial institution and any of their respective agents; or / *Apa-apa agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen masing-masing; atau*
- (h) Any guarantor or collateral provider for Customer's facilities; and / *Mana-mana penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan Pelanggan; dan*
- (i) Tax authorities of the country/ jurisdiction in which this account(s) is/are maintained and/or exchanged with any tax authorities of another country/ jurisdiction or countries/ jurisdictions in which the Customer may be the tax resident pursuant to intergovernmental agreements in which the Bank has obligation to exchange any account information./ *Pihak berkuasa cukai negara/ bidang kuasa dimana akaun ini diselenggara, dimiliki dan/atau dipertukarkan dengan mana-mana pihak berkuasa cukai negara/ bidang kuasa lain atau negara/ negaradimana Pelanggan boleh menjadi pemastautin cukai menurut perjanjian antara kerajaan dimana Bank mempunyai kewajipan untuk membuat pertukaran terhadap apa-apa maklumat akaun.*

24.3 The Customer hereby expressly consents to such disclosure and confirms and declares that the terms contained therein shall be subject to the Privacy Policy which is accessible at the Bank's website at www.bsn.com.my. In the event of any inconsistency between the terms contained herein with the terms as set out in the Privacy Policy, the terms and conditions in the Privacy Policy shall prevail./ *Pelanggan dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Polisi Privasi yang boleh diakses di laman web Bank www.bsn.com.my. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara*

terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Polisi Privasi, terma dan syarat di dalam Polisi Privasi akan diguna pakai.

24.4 The Customer acknowledges that the Customer has the right to withdraw the consent given earlier according to the process as stated in the Privacy Policy. However, the withdrawal of the Customer's consent may affect the services provided by the Bank to the Customer. / *Pelanggan dengan ini mengakui bahawa Pelanggan mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran yang telah diberikan mengikut proses yang dinyatakan dalam Polisi Privasi. Walaubagaimanapun, penarikan balik kebenaran Pelanggan boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan.*

25. Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (“AMLATFPUAA 2001”) / Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Perolehan Kegiatan Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001”)

25.1 The Bank may be obliged under the AMLATFPUAA 2001 and/or any other laws and regulations to: / *Pihak Bank mempunyai kewajipan di bawah AMLATFPUAA 2001 dan/atau mana-mana undang-undang dan peraturan lain untuk:*

- a) *prohibit from entering or concluding transactions involving any money laundering and terrorist financing activities. / dilarang daripada memasuki atau membuat kesimpulan transaksi yang melibatkan sebarang aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.*
- b) *report certain transaction to BNM and/or other relevant authorities and the Customer hereby consent to the same and agrees that the Bank, its officers and employees shall be under no liability for making such reports. / melaporkan transaksi tertentu kepada BNM dan/atau pihak berkuasa lain yang berkaitan dan Pelanggan dengan ini memberi kebenaran terhadap perkara yang sama dan bersetuju bahawa pihak Bank, pegawainya dan pekerjanya tidak bertanggungjawab terhadap laporan yang dibuat tersebut.*

25.2 The Customer confirms to the Bank that the Customer is not involved in any money laundering and terrorist financing activities. / *Pelanggan mengesahkan kepada pihak Bank bahawa Pelanggan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.*

26. Other provisions / Lain-lain peruntukan

26.1 In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions with any brochures, marketing and promotional materials relating to the campaign or its promotion, this Terms and Conditions shall prevail. / *Sekiranya terdapat apa-apa perselisihan di antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana brosur, material pemasaran atau promosi berkaitan dengan kempen atau promosinya, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.*

26.2 Muslim Customers shall be responsible for paying the Zakat due on the Customer's Gold. / *Pelanggan beragama Islam hendaklah bertanggungjawab membayar Zakat ke atas Emas Pelanggan.*

DISCLAIMER: / PENAFIAN:

The returns on BSN MyGold Account-i are subject to the Gold price fluctuations. Customer is advised to read and understand these Terms and Conditions of BSN MyGold Account-i before making any Gold investment. / *Pulangan pada BSN MyGold Account-i adalah tertakluk kepada turun naik harga Emas. Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat BSN MyGold Account-i ini sebelum membuat sebarang pelaburan Emas.*



Customer Declaration / Deklarasi Pelanggan

I hereby declare that I have read and understood the Terms and Conditions of BSN MyGold Account-i and agree to be bound by the terms and conditions as stipulated in this document.. / *Saya dengan ini mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami Terma dan Syarat bagi BSN MyGold Account-i dan bersetuju untuk terikat dengan setiap terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini.*

Principal Customer / Pelanggan Utama / *Authorized Signatory / Penandatanganan yang diberi kuasa (*Please delete if the authorized signatory is the Joint Customer only / Sila mansuhkan sekiranya penandatanganan yang diberi kuasa adalah Pelanggan Bersama sahaja) Nama / Name: No. K/P / No. Passport / : <i>IC No / Passport Number</i> Tarikh / Date:	Joint Customer / Pelanggan Bersama / **Authorized Signatory / Penandatanganan yang diberi kuasa **Please delete if the authorized signatory is the Principal Customer only / Sila mansuhkan sekiranya penandatanganan yang diberi kuasa adalah Pelanggan Utama sahaja) Nama / Name: No. K/P / No. Passport / : <i>IC No / Passport Number</i> Tarikh / Date:
<p>..... Cop Syarikat (jika berkenaan) <i>Company stamp (if applicable)</i> Tarikh / Date:</p>	